

Pak Ya pura-pura sakit untuk bertemu doktor Mahathir

UM 31/10/2003 - 10 PRECISE

Oleh SOPHA SULAIMAN

NAMA Yahya Abu tidaklah begitu dikenali di sekitar daerah Pendang, Kedah. Tetapi apabila disebut "Pak Ya Kapak", mereka tahu siapa beliau. Malah ramai penduduk di negeri ini juga berkata, mereka pernah mendengar nama tersebut. "Oh! Dia kawan baik Dr. Mahathir", demikian kata mereka yang mengenalinya.

Pak Ya kini sudah 75 tahun. Dia kelihatan masih sihat dan tegap walaupun dalam usia sedemikian.

"Saya mula kenal Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa pergi mendapatkan rawatan di Klinik Maha di Pekan Melayu, Alor Star," katanya memulakan cerita.

Hubungan itu semakin rapat kerana Pak Ya juga orang kuat UMNO cawangan Kampung Asam Jawa dan sering menemani atau menjadi

"pengawal" Dr. Mahathir yang mengadakan ceramah-ceramah politik di sekitar Pendang.

Dr. Mahathir juga adalah ahli UMNO Kampung Caruk Kudung di Pendang pada ketika itu dan beliau mempunyai ramai kawan di sana termasuk Cikgu Saad Ishak, Allahyarham Hassan Awang, Pak Su Manaf dan Awang Mat Saman.

"Semasa berceramah dalam kempen pilihan raya di sebuah kampung, Dr. Mahathir pernah dilontar dengan telur dan Dr. Mahathir masih tidak lupa tentang kejadian itu hingga sekarang," kata Pak Ya.

Pada pilihan raya umum 1969, Dr. Mahathir kalah kepada calon Pas. Selain Dr. Mahathir banyak calon parti Perikatan yang lain juga kalah pada pilihan raya tersebut kerana pengaruh Pas yang agak kuat ketika itu.

Pak Ya juga turut bersedih kerana kekalahan Dr. Mahathir.

Selepas kekalahan itu, Dr. Mahathir dipecat daripada UMNO oleh Tunku Abdul Rahman Putra kerana beliau mengkritik corak kepimpinan Tunku yang dikatakan tidak banyak membantu ekonomi orang Melayu.

Selepas itu, pergerakan Dr. Mahathir sentiasa diawasi oleh pihak kerajaan kerana bimbang kritikan beliau terhadap kepimpinan Tunku Abdul Rahman akan mempengaruhi rakyat.

"Saya pura-pura sakit kerana nak jumpa Dr. Mahathir di klinik," kata Pak Ya mengenang semula cerita lama. Menurut Pak Ya, beliau

berbuat demikian kerana kemungkinan ada ejen pihak berkuasa yang mengawasi orang yang keluar masuk di klinik tersebut.

Menurut Pak Ya lagi, Dr. Mahathir yang dipanggilnya Che Det pernah menegurnya kerana kerap berjumpa selepas beliau dipecat. "Hang mai buat apa?" kata Dr. Mahathir.

"Aku nak tengok hang, aku kesian kat hang," kata Pak Ya mengingat semula kata Dr. Mahathir pada masa itu. "Pak Ya jangan susah hati...", kata Dr. Mahathir kepada Pak Ya ketika mereka berjumpa di rumah Dr. Mahathir di Titi Gajah.

Menurut Pak Ya, pernah satu ketika beliau menunggang motosikal dari Kampung Asam Jawa ke rumah Dr. Mahathir yang jaraknya lebih 40 kilometer pada waktu malam untuk mengelak daripada dikesan pihak berkuasa yang sedang mengawasi rumah Dr. Mahathir.

"Dr. Mahathir juga bimbang saya ditangkap kerana terlalu rapat dengannya," kata Pak Ya yang menjadi Ketua Cawangan UMNO dan Penasihat Projek Sawah Berkelompok Kampung Asam Jawa.

Hubungan Pak Ya dan Dr. Mahathir terus terjalin selepas Dr. Mahathir diterima semula ke dalam UMNO dan semasa beliau menjadi ahli Parlimen Kubang Pasu apabila memenangi pilihan raya umum 1974.

Peristiwa yang tidak mungkin dilupakan, kata Pak Ya ialah semasa Dr. Mahathir menjadi Timbalan Perdana Menteri. Dr. Mahathir mempelawanya menaiki helikopter bersamanya untuk meninjau perkampungan luar bandar termasuk di Kampung Asam Jawa, Pendang.

"Itulah kali pertama saya naik kapal terbang (helikopter)," katanya yang menganggap dirinya ketika itu seorang

manusia paling kerdil di sisi seorang pemimpin.

Apa yang menarik, kata Pak Ya, semasa berada di dalam penerbangan itu, Dr. Mahathir masih bergurau dengan menyuruh orang yang berada di dalam pesawat itu mengikatnya kerana bimbang beliau akan terjun.

Semasa dalam tinjauan dari udara itu, Dr. Mahathir menyuruhnya mengira jumlah rumah yang bertaburan di Kampung Asam Jawa dan bertanya sama ada penduduk kampung itu boleh dipindahkan ke satu penempatan supaya sawah padi dapat diperluaskan dan diusahakan secara berkelompok.

Beberapa lama selepas itu, Kampung Asam Jawa dipilih untuk melaksanakan projek perintis sawah berkelompok dan perkampungan yang tersusun, mencontohi konsep "Samaeul Undong" yang dilaksanakan di Korea Selatan.

Bagaimanapun Pak Ya tidak dapat menjelaskan secara terperinci bagaimana beliau terus menjadi kawan Dr. Mahathir sehinggalah sekarang.

"Yang pasti saya pergi berjumpa Dr. Mahathir di rumah atau pejabatnya di Kuala Lumpur tanpa perlu temu janji," katanya.

Menurut Pak Ya, jika Dr. Mahathir tidak sihat dan semasa Dr. Mahathir sakit dulu, beliau akan dimaklumkan dan akan melawatnya di hospital tanpa halangan.

Malah, kata Pak Ya, ada ketika jika Dr. Mahathir hendak datang ke Pendang, beliau lah yang paling awal diberitahu hingga orang lain tidak percaya.

Beliau juga tidak pernah ketinggalan untuk menyambut Dr. Mahathir di lapangan terbang setiap kali Perdana Menteri pulang ke Kedah.

Hubungan "istimewa" antara Pak Ya,

seorang rakyat biasa yang tidak mempunyai kedudukan tinggi dengan seorang Perdana Menteri menjadi tanda tanya kebanyakan orang. Hanya mereka berdua sahaja yang lebih maklum.

Apa yang pasti, sudah menjadi tradisi setiap kali Hari Raya Aidiladha, Dr. Mahathir tidak pernah lupa penduduk Kampung Asam Jawa dan kawasan Pendang dengan membekalkan beberapa ekor lembu untuk dikorbankan.

Sementara menjelang Hari Raya Aidilfitri pula, Pak Ya dan masyarakat kampungnya akan bergotong-royong membekalkan lemang dan ketupat untuk jamuan rumah terbuka Dr. Mahathir di Kuala Lumpur.

"Walaupun Dr. Mahathir tidak lagi menjadi Perdana Menteri, saya tidak akan meninggalkannya... saya akan terus bekalkan ketupat dan lemang ke rumahnya setiap kali raya," janji Pak Ya.

“Pernah satu ketika Pak Ya menunggang motosikal dari Kampung Asam Jawa ke rumah Dr. Mahathir yang jaraknya lebih 40 kilometer pada waktu malam”

YAHYA ABU

